



ANGGOTA polis memeriksa dokumen pemandu bas ekspres ketika Operasi 'Ops Laju' di R&R Tapah, semalam sambil diperhati Tan (tengah).

B/Minggu 13/11/2011 MS A.

Pemandu bas ekspres, treler tak serik: Polis

Operasi di lebuhraya terus kesan kesalahan had laju

TAPAH: Tidak sampai 24 jam selepas kemalangan memabitkan bas persiaran dan treler yang meragut empat nyawa di Lebuhraya Utara-Selatan dekat Slim River awal pagi kelmarin, polis yang membuat operasi di lebuhraya itu mengesan beberapa kesalahan dilakukan dua jenis kenderaan itu yang mungkin boleh mengakibatkan kejadian berulang.

Ada antara bas ekspres dikesan tidak mempunyai pemandu kedua bagi perjalanan dari Butterworth, Pulau Pinang ke Kuala Lumpur sejauh kira-kira 380 kilometer, manakala ada bas dari Kangar, Perlis ke Singapura, dipandu melebihi had laju ditetapkan.

Bas ekspres yang tidak mempunyai pemandu kedua itu ditahan sehingga majikannya menghantar pemandu kedua, manakala saman dikeluarkan terhadap kenderaan yang melebihi had laju.

Operasi yang dinamakan 'Ops Laju' itu dilakukan sepasukan 30 anggota Polis Peronda Lebuhraya Bukit Aman bermula kira-kira jam 10 malam kelmarin sehingga 1 pagi semalam dengan meletakkan tiga kamera pengesan had laju di laluan antara Kuala Kangsar ke Ipoh, dengan kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan ditahan di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Ta-

pah arah selatan.

Pegawai Penguat kuasa Trafik Bukit Aman, Deputy Superintendan Tan Chun Kim, yang mengetuai operasi itu berkata, 32 bas memabitkan bas ekspres, persiaran serta bas perjalanan jauh serta 15 lori dikenakan saman kerana memandu melebihi had laju ditetapkan.

"Kami memberi tumpuan terhadap kenderaan berat yang memandu melebihi had laju tetapi turut memeriksa aspek lain yang melanggar undang-undang, sekiranya ada," katanya, semalam.

Beliau berkata, operasi itu akan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan kenderaan berat yang menggunakan lebuhraya berkenaan mematuhi peraturan ditetapkan khususnya had laju kerana ia antara faktor yang boleh menyumbang kepada kemalangan maut.

Di **KUALA LUMPUR**, Kementen-



Tidak perlu larangan itu kerana siasatan awal mendapati pengurusan sekolah mematuhi prosedur keselamatan ditetapkan



Dr Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran

rian Pelajaran tidak bercadang melarang pengurusan sekolah yang menganjurkan rombongan sambil belajar melakukan perjalanan pada waktu malam.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Wee Ka Siong, berkata tiada keperluan untuk menguatkuasa larangan berkenaan kerana setakat ini semua pengurusan sekolah di seluruh mematuhi prosedur ditetapkan.

"Tidak perlu larangan itu kerana siasatan awal mendapati pengurusan sekolah mematuhi prosedur keselamatan ditetapkan.

"Mereka dari Kedah, semangnya jauh dan mengambil masa lama untuk tiba di Kuala Lumpur. Kemungkinan pemilihan waktu perjalanan itu dianggap bersesuaian kerana tidak banyak kenderaan serta tiba di awal pagi di ibu kota," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas kemungkinan mewujudkan larangan perjalanan pada waktu malam berikutan kemalangan memabitkan 36 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Merah, Kulim, Kedah, di Behrang, Perak, awal pagi kelmarin yang mengorbankan empat nyawa termasuk dua pelajar.

Sementara itu, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Prof Madya Dr Wong Shaw Voon, berkata pihaknya kini sedang menjalankan siasatan rapi berhubung kemalangan berkenaan bagi mengenal pasti puncanya.